

05 AUG 1996

PENGIMPORAN BARANG-BARANG BUKAN KEPERLUAN AKAN DIHADKAN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Pengimportan barang-barang tertentu bukan keperluan akan dihadkan melalui kuota dan permit import jika pengurangan import melalui pengawasan rapi kerajaan dan pengawalan sukarela tidak dimungkin, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Sementara kita cuba untuk mengurangkan import dalam usaha untuk mengatasi defisit imbalan pembayaran, eksport juga perlu digalakkan secara positif, terutama keluaran-keluaran pembuatan milik tempatan," tambahnya.

Kerajaan akan mengkaji perkara itu dan memastikan bahawa pinjaman untuk perniagaan sedemikian kekal murah, katanya bila merasmikan Konvensyen Kebangsaan mengenai Rancangan Malaysia Ketujuh selama tiga hari di sini.

Untuk menangani masalah defisit, tindakan paling buruk yang boleh dilakukan ialah cuba untuk menahan pertumbuhan dengan menaikkan kadar faedah, tambahnya.

"Sungguhpun ia mengurangkan perbelanjaan, pelaburan baru akan berkurangan dan wang asing mungkin mengalir masuk untuk mengambil peluang daripada kadar faedah yang tinggi itu. Oleh itu, adalah jauh lebih baik untuk menaikkan duti import jika ia boleh dilakukan," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan secara aktif memberi sokongan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi membolehkan syarikat-syarikat tempatan mengeluarkan barangan berjenama sendiri.

Peruntukan untuk R&D di dalam RMK-7 akan ditambah dan layanan sewajarnya diberikan kepada R&D tempatan.

"Sekarang, kita mesti bukan sahaja mengautomatiskan pengeluaran tetapi kita mahu lebih banyak industri dimiliki oleh rakyat Malaysia dan mengeluarkan barangan canggih untuk eksport," tambahnya.

Industri-industri sedia ada, yang kebanyakannya dimiliki orang asing, lebih cenderung kepada operasi-operasi ditambah nilai dengan mengimport komponen-komponen yang separuh proses untuk diproses semula menjadi keluaran separuh siap atau siap sepenuhnya untuk dieksport.

Ini bermakna import perlu berkembang bila eksport meningkat tetapi marginnya tidak mencukupi untuk membantu mengurangkan imbalan pembayaran, katanya.

Bagaimanapun, jika setiap bahagian komponen itu atau keluaran siap dihasilkan dalam negara maka peningkatan dalam eksport tidak akan mengakibatkan peningkatan yang sama dalam import.

"Import tetap ada tetapi ia kebanyakannya dalam bentuk bahan mentah bernilai rendah," katanya.

Jika lebih banyak syarikat tempatan mengeluarkan barangan untuk eksport, hasilnya bukan sahaja mengekalkan perolehan import dalam negara tetapi kebocoran adalah paling minima, dengan itu, imbalan pembayaran akan dapat dikurangkan, tambahnya. -- BERNAMA

SHO SIA